

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERUSAHA DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**MAJLIS PERASMIAN
SEMINAR DAN BENGKEL PENULISAN & PENERBITAN SAINTIFIK
2022**

**28 JUN 2022 (SELASA)
9.00 PAGI
HOTEL LACRISTA, MELAKA**

BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM

Saudari pengerusi majlis

- 1. YBhg. Datuk Haji Abang Sallehuddin Abang Shokeran**
Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- 2. YBrs. Dr Shukri bin Mohd**
Pengerusi Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik 2022 dari Agensi Nuklear Malaysia
- 3. YBrs. Dr Muhammad Rawi bin Muhammad Zin**
Pengarah Kanan Program Pengurusan dari Agensi Nuklear Malaysia
- 4. YBrs. Encik Mohd Faizal Aziz**
Pengasas / Ketua Editor Majalah Sains
- 5. Ketua-ketua jabatan**
- 6. Pembentang – pembentang kertas kerja**
- 7. Para peserta dan hadirin yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Keluarga Malaysia.

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Perasmian Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik 2022** pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan peserta seminar kerana dapat hadir untuk sama-sama menjayakan seminar ini yang merupakan anjuran Agensi Nuklear Malaysia dengan kerjasama dan Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) serta di sokong oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Perbadanan Kemajuan

Negeri Melaka (PKNM), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan Majalahsains.com.

3. Alhamdulillah juga, pada tahun ini, penganjuran seminar yang memasuki kali ke tiga belas (13) ini dapat dilaksanakan pertama kali secara hibrid bertempat di Hotel Lacrista dan juga menggunakan platform digital. Saya turut berasa bangga kerana pada hari ini kita masih dapat bersama untuk berbincang dan bertukar-tukar fikiran serta pengalaman dalam bidang yang amat penting serta mencabar ini sejajar dengan tema seminar pada tahun ini iaitu **"Menyemarakkan Penulisan dalam bidang Sains dan Teknologi"**.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Tema "Menyemarakkan Penulisan dalam bidang Sains dan Teknologi" ini sangat relevan kerana tanpa penulisan, ilmu pengetahuan mengenai sains dan teknologi tidak sampai kepada masyarakat umum. Sains dan teknologi memainkan peranan yang penting dalam pembangunan dan kemajuan negara.
5. Sains memainkan peranan utama untuk mencipta teknologi bagi kemajuan negara dan menjadi antara salah satu teras kepada pembentukan tamadun manusia. Bagi permulaan, masyarakat seharusnya mempunyai literasi sains bermula dengan kepercayaan dan kesedaran terhadap kepentingan sains dalam menangani pelbagai aspek kehidupan dan kemanusiaan. Sekali lagi, pembudayaan STI hingga ke peringkat akar umbi masyarakat memerlukan tindakan bersepadu terutama aspek penyelarasan, pemantauan dan pengiktirafan inisiatif secara berpusat. Malah, penggunaan teknologi perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi

meningkatkan keberkesanan komunikasi sains dan memudahkan capaian maklumat dalam masyarakat. Perkembangan teknologi yang bersifat dinamik dan pantas perlu dimanfaatkan sejajar dengan sifat tabii manusia yang inginkan kebaikan.

6. Salah satu inisiatif yang berteraskan Pembudayaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) iaitu Malaysia Techlympics telah diperkenalkan oleh MOSTI bagi memupuk penciptaan idea berinovasi yang selaras dengan agenda Malaysia ke arah negara berteknologi tinggi dan seterusnya memacu transformasi Malaysia menjadi negara berteknologi dan berkemahiran tinggi.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Apabila di sebut perihal penulisan, cetusan itu bermula dari sebuah idea. Dari idealah berkembangnya kepada tema dan topik serta melakukan penyelidikan seterusnya. Tetapi kebiasaannya idea tersebut akan tersekat dan terhalang kerana kita tidak pasti adakah apa yang kita hendak tulis atau terbitkan itu bersesuaian dan bukan menjadi satu penulisan yang boleh diterbitkan. Kita akan merasa ragu-ragu samada perkara yang hendak kita sampaikan berkenaan mencapai hasrat orang lain atau dapat difahami oleh pembaca.
8. Lazimnya, para penyelidik aktif menulis manuskrip untuk penerbitan saintifik dan dibincangkan dalam kalangan ilmuwan bidang tersebut. Penulisan ini tidak sampai kepada khalayak umum kerana ia terlalu teknikal dan berat bagi pembaca luar bidang untuk menghadamkan informasi saintifik. Oleh itu, seminar dan bengkel ini dapat direalisasikan agar khalayak umum mendapat manfaat daripada setiap ilmu yang diperoleh daripada pakar tempatan. Para peserta

dapat meneroka peluang penulisan dan penerbitan yang terbentang luas selain meningkatkan kemahiran dalam bidang penulisan yang berbentuk info kreatif.

9. Dari pengalaman saya sendiri sebagai pegawai penyelidik dahulunya, tanggungjawab ini adalah besar dimana tugas ini bukan sekadar menjadi penyelidik, tetapi bertindak sebagai medium ilmu yang dipertanggungjawabkan untuk menyebarkan hasil kajian kepada masyarakat. Sudah pasti tanggungjawab tersebut amat dinantikan oleh masyarakat untuk mengetahui hasil kajian serta impak yang dapat memberi manfaat kepada negara.
10. Menyemarakkan budaya membaca selari dengan hasrat kerajaan yang sedang memacu Malaysia menuju Negara Membaca 2030. Setiap organisasi perlu konsisten di dalam membentuk ekosistem membaca yang sihat serta memupuk budaya penulisan dalam kalangan warga universiti dan masyarakat. Malah, usaha ini perlu berterusan sehingga ianya menjadi amalan sepanjang hayat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Kita menyambut baik Usaha Kerajaan Dalam Memperkasa Dan Memartabatkan Bahasa Melayu Dalam Urusan Diplomatik Luar Negara Dan Hubungan Antarabangsa contohnya, dimana YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob Perdana Menteri mengalakkan penyediaan nota percakapan serta dokumen berkaitan dalam bahasa melayu untuk rujukan beliau apabila mengadakan lawatan rasmi ke luar negara. Ini jelas bahawa bahasa melayu juga mempunyai keunikan dan kelebihannya tersendiri.

12. Rata-rata penguasaan dan penyampaian ilmu sains dan teknologi yang tinggi secara meluas dan merata di kalangan rakyat dengan cara yang paling berkesan adalah dengan perantaraan bahasa kebangsaan rakyat itu sendiri kerana kemudahan pembelajaran dan pemahamannya, bukannya dalam sebuah bahasa asing. Inilah yang telah berlaku kepada negara-negara di Eropah dalam zaman revolusi industrialisasi mereka, dan juga di Asia pada Abad ke-20 seperti di Jepun, Korea, Cina Taiwan dan Republik Rakyat China, yang telah menggunakan bahasa kebangsaan mereka sendiri untuk menyampaikan segala ilmu pengetahuan kepada seluruh rakyat. Apabila penulisan hebat ini ditulis di dalam bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu, sekali gus mengangkat martabat bahasa dan bangsa.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Agensi Nuklear Malaysia sebagai agensi penyelidikan dalam bidang teknologi nuklear bertanggungjawab menggalas misi dalam meneraju kecemerlangan dalam penyelidikan dan penggunaan teknologi nuklear untuk pembangunan lestari. Nuklear Malaysia sebagai institut penyelidikan yang berlandaskan sains, teknologi dan inovasi berazam untuk menjadikan sains dan teknologi ini sebagai penjana ilmu, kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat dan negara.

14. Dalam peranan penyebaran ilmu pengetahuan dan pembelajaran sepanjang hayat, Nuklear Malaysia melalui Pusat Kecemerlangan Nuklear dan Bahagian Pengurusan Maklumat sentiasa aktif menawarkan aktiviti dan program-program latihan bengkel, seminar dan persidangan dalam bidang berkaitan teknologi nuklear dan

berkaitan kepada masyarakat. Selain itu, elemen Pengurusan Pengetahuan (KM) dalam bentuk penulisan buku teks terbitan Nuklear agar pemindahan kepakaran dan hasil penyelidikan dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada para peserta dan orang awam.

15. Nuklear Malaysia berbesar hati dan sentiasa menyediakan platform dan ruang kepada mana-mana institut mahu pun organisasi untuk bekerjasama dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

16. Nuklear Malaysia amat berterima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana masih berusaha gigih membantu menerbitkan buku - buku penulisan penyelidik-penyelidik Nuklear Malaysia. Menerbit buku bersama DBP bukan satu perkara yang mudah yang melibatkan proses penyuntingan yang rumit supaya bagi memastikan kredibiliti buku-buku yang diterbitkan.

17. Kerjasama penerbitan dengan DBP merupakan satu program yang strategik dan saling melengkapi antara satu sama lain. Nuklear Malaysia menjana ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam sains dan teknologi nuklear melalui aktiviti penyelidikan manakala DBP pula mempunyai kepakaran dan kemampuan untuk menerbitkannya untuk disebarkan kepada khalayak ramai dan menyimpannya sebagai salah satu aset penting.

18. Pelancaran buku Reaktor Nuklear Penyelidikan dan Latihan tulisan Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zin, Pengarah Kanan Pengurusan Nuklear Malaysia pada 7 Jun 2022 di Pesta Buku

Antarabangsa, di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur oleh DBP adalah satu usaha yang harus menjadi kebanggaan semua. Tahniah DBP dan dr Rawi. InsyaAllah, lebih banyak buku akan diterbitkan kelak. Saya dimaklumkan bahawa terdapat beberapa naskhah manuskrip lagi yang telah dihantar ke DBP dan sedang dalam proses penyuntingan.

19. Penulisan dan penerbitan buku merupakan salah satu aspek penting dalam aktiviti penyelidikan. Selain menjadi medium penyebaran ilmu, penerbitan buku juga adalah salah satu medium untuk menyimpan ilmu yang dijana bagi daripada kehilangan ilmu tersebut kerana ilmu pengetahuan adalah satu khazanah negara yang tidak ternilai harganya. Saya menyeru semua penyelidik dan cendikiawan di sini untuk menulis dan menerbitkan seberapa banyak buku melalui kerjasama penerbitan sebegini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

20. Saya amat berharap agar peluang seminar ini dijadikan sebagai medium untuk bertemu dengan pakar tempatan bagi meneroka peluang penulisan dan penerbitan yang terbentang luas selain meningkatkan kemahiran dalam bidang penulisan yang berbentuk kreatif dan penerbitan saintifik yang dinamik, kreatif dan berilmu.
21. Saya percaya dengan adanya seminar seperti ini, kita dapat terus menyemarakkan semangat karyawan untuk lebih produktif di samping menggilap bakat penulis baharu. Saya juga berharap agar program yang telah diatur ini berjalan dengan lancar dan dapat memberikan input yang berguna kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua.

Akhirul kalam, dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya merasmikan Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik dan Bengkel 2022.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamulaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.